

Eropah boleh belajar dari Malaysia – Hishammuddin

UM - 29/5/2007

KUALA LUMPUR 28 Mei – Negara-negara Eropah yang menghadapi ketidakpastian sosial dan politik ekoran pertumbuhan penduduk beragama Islam, boleh belajar dari Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk Islam dan hidup dalam keadaan aman.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, walaupun negara ini bukan contoh terbaik, tetapi keupayaan Malaysia terus membangun dengan rakyat pelbagai kaum dan agama, boleh dipelajari oleh negara Eropah yang berdepan dengan kebimbangan tersebut.

“Malaysia merupakan negara yang aman dengan penduduk pelbagai budaya dan agama serta sering menarik perhatian pihak luar. Di sini kami membenarkan malah menggalakkan masyarakat Melayu, India dan Cina mengekalkan bahasa, agama dan

budaya masing-masing.

“Pendekatan unik ini yang didorong oleh kemahuan politik dan sosial, adalah asas kepada keamanan, kestabilan dan pertumbuhan Malaysia,” katanya ketika berucap pada Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) Ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Menurut Hishammuddin, keunikan dan kejayaan Malaysia itu turut menarik banyak aktiviti perniagaan, termasuk menjadi hab halal dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HIDC).

Beliau berkata, HIDC yang dilancarkan dengan geran sebanyak RM25 juta akan membantu pawaian makanan halal dan pembangunan industri tersebut yang mempunyai rantai bekalan kira-kira AS\$581 (RM2,033) bilion di peringkat global.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan

WIEF sebagai platform dan peluang terbaik bagi golongan usahawan serta perniagaan untuk membina ‘jambatan’ antara Timur dan Barat, di sebalik wujud perasaan syak wasangka pada sesetengah pihak.

Katanya, sikap prejudis itu boleh ditangkis apabila terdapat peningkatan yang sangat jelas dalam aktiviti perdagangan memabatkan negara-negara Islam dan bukan Islam.

“Ini kerana, perniagaan menuntut sikap amanah antara pihak yang menjalin kontrak, tidak kira di mana mereka berada. Perniagaan menuntut kita mengetepikan perbezaan bahasa, kaum dan agama,” katanya.

Menurut Hishammuddin, untuk menjalin perniagaan, seseorang itu perlu ada sikap memahami dan percaya kepada orang lain sebelum boleh memberi komit-

men termasuk dari aspek menyediakan sumber dan dana kewangan.

Katanya, apabila sikap tersebut terus berkembang merentasi masa dan sempadan, maka secara perlahan-lahan manusia boleh menjalin hubungan yang lebih akrab.

Beliau berkata, perkembangan tersebut telah berlaku beberapa dekad lalu memabatkan perdagangan antara Barat dan Timur di mana pihak sistem perbankan Barat telah mengadaptasi sistem kewangan Islam.

“Inilah peningkatan besar yang perlu kita lihat di mana perniagaan dan perdagangan memainkan peranan penting bagi mengukuhkan hubungan antara Islam dan Barat. Sebagaimana kita tahu, perniagaan tidak boleh beroperasi dalam dunia yang gelap dan penuh prejudis,” katanya.